



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**27 JULAI 2018 (JUMAAT)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |                                     |    |
|-------------------------------------|----|
| - Kos tinggi naik taraf 'Town Park' | 24 |
|-------------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
27 JULAI 2018 (JUMAAT)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kos tinggi naik taraf 'Town Park'
Muka Surat	24

24

## AMPANG. HULU LANGAT



MPAJ dalam perancangan untuk menaiktaraf 'Town Park' demi kesejahteraan penduduk.

### **Kos tinggi naik taraf 'Town Park'**

PANDAN INDAH - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) merancang untuk menaik taraf sebuah 'Town Park' yang menjadi tumpuan orang ramai untuk beriadah di sini.

Langkah itu diambil berikutan dakwaan pengguna beberapa kemudahan di taman tersebut tidak diselenggara dan rosak.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, kos untuk menaik taraf 'Town Park' itu dianggarkan berjumlah RM300,000.

"Kita harus melaksanakan projek menaik taraf ini secara 'major' kita tidak boleh menaik taraf secara kecil-kecil kerana tidak akan nampak impak projek tersebut," katanya.

Abd Hamid berkata, MPAJ telah membina 'Town Park' itu pada 2010

dengan peruntukan daripada Jabatan Landskap Negara.

"Sepanjang permerhatian, kita mendapati ada beberapa kerosakan termasuk lantai 'floormate' yang sudah keras dan rosak.

"Kita juga harus menukar lantai ini secara keseluruhan, nak tukar lantai ini pun melibatkan kos yang tinggi..

"Walau bagaimanapun kerosakan peralatan tidak menghalang orang ramai untuk menjalankan aktiviti riadah, ia masih selamat digunakan," katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melakukan tinjauan di 'Town Park' berkenaan mendapati ada segelintir penduduk mendakwa taman itu seolah 'terbiar' dan tidak terurus sejak lebih lima tahun lalu.